

## **LATIHAN**

### **TAJUK: BERDIKARI**

Isikan tempat-tempat kosong di bawah ini dengan perkataan-perkataan yang paling sesuai.

Pelajar	wajib	malas	Ilmu pengetahuan	bertanggungjawab
Berdikari	berkumpulan	Percaya	manfaat	dihormati
ibu bapa	memasak	canggung	senang	hina
rungutan	budaya lepak	12 tahun	merancang	masa

1. \_\_\_\_\_ berdiri atas kaki sendiri iaitu tidak mengharap orang lain untuk menolongnya.
2. Kita sering mendengar \_\_\_\_\_ para ibu bapa mengenai sikap anak remaja yang tidak mahu membuat kerja rumah.
3. Mencuci pinggan, mencuci kereta dan \_\_\_\_\_ merupakan antara contoh bagi sikap berdikari.
4. \_\_\_\_\_ pada diri sendiri adalah ciri-ciri bagi berdikari.
5. Para remaja yang berusia \_\_\_\_\_ ke atas sepatutnya sudah mula belajar hidup berdikari.
6. Remaja digalakkan untuk berdikari kerana banyak \_\_\_\_\_ dan faedahnya.
7. Jika seseorang itu dapat melaksanakan pengurusan dirinya dengan baik maka dia akan dapat hidup \_\_\_\_\_ dan selesa.
8. Seseorang pelajar mesti tahu \_\_\_\_\_ dan melaksanakan perkara penting dalam hidupnya.
9. Mengamalkan sikap berdikari akan dapat mewujudkan sikap \_\_\_\_\_ dan meningkatkan disiplin diri.

10. \_\_\_\_\_ yang bijak dan berjaya adalah mereka yang tahu merancang jadual harian dan mingguannya dengan baik.
11. Pelajar tidak boleh membuang masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti \_\_\_\_\_ dan sebagainya.
12. Jika seseorang telah terbiasa melakukan kerja sendiri maka mereka tidak akan berasa \_\_\_\_\_ sekalipun kerja yang dibebankan itu amat berat.
13. \_\_\_\_\_, kemahiran dan pengalaman adalah sangat penting dalam kehidupan manusia.
14. Orang yang berilmu akan \_\_\_\_\_ dan disegani serta dipandang mulia oleh orang lain.
15. Orang yang tidak berilmu akan dipandang rendah dan \_\_\_\_\_ oleh orang lain.
16. Jika seseorang tidak faham tentang sesuatu pelajaran maka \_\_\_\_\_ bertanya kepada orang yang lebih tahu.
17. Para pelajar mesti pandai membahagikan \_\_\_\_\_ iaitu masa untuk rehat, bermain, belajar dan sebagainya.
18. Jangan terlalu mengharapkan pertolongan \_\_\_\_\_ kecuali jika kamu tidak tahu membuatnya.
19. Belajar secara \_\_\_\_\_ dengan kawan-kawan lebih baik kerana boleh berbincang sambil belajar.
20. Jauhilah sikap \_\_\_\_\_ dan suka membuat kerja dengan tidak bersungguh-sungguh.

20 MARKAH



Disediakan oleh: